

Wan Azizah seru masyarakat dunia lindungi pendidikan di Palestin

Kuala Lumpur: Semua pihak digesa menguatkan komitmen melindungi bidang pendidikan, di samping membuat kenyataan bersama terhadap ketidakadilan dialami semua guru dan pelajar Palestin yang sedang ditindas Israel di Gaza dan Tebing Barat.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata dengan itu, suara pembelaan dapat bergema lebih kuat pada peringkat global, untuk menuntut dihentikan keganasan yang sedang merosakkan asas masa depan yang aman.

"Kita harus mengakui bahawa pendidikan adalah asas kepada bantuan kemanusiaan, sama seperti rawatan perubatan.

"Sama seperti menyembuhkan kecederaan dan menyediakan tempat berlindung, kita juga perlu memelihara dan melindungi jiwa serta minda generasi muda. Pendidikan bukan satu kemewa-

han tetapi ia hak asasi dan menjadi sesuatu yang sangat bernilai.

"Sehubungan itu, kita semua wajar berasa sangat bimbang dengan keadaan pendidikan dan persekolahan yang sedang dilalui di Palestin," katanya.

Beliau berucap pada forum sempena Hari Antarabangsa Untuk Melindungi Pendidikan Daripada Serangan kendalian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Doha, Qatar, semalam. Teks ucapan beliau dikeluarkan di Kuala Lumpur.

Program itu dianjurkan Yayasan Education Above All dengan kerjasama Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO); Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF); Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bagi

Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan pejabat SRSG untuk Kanak-kanak dan Konflik Bersenjata.

Dr Wan Azizah berkata, Ogos lalu, Kementerian Pendidikan Palestin melaporkan lebih 10,000 pelajar dan lebih 500 guru terbunuh di Gaza dan Tebing Barat.

"Justeru, atas nama kemanusiaan dan kemurnian hidup, pertumpahan darah berterusan ke atas pelajar dan guru serta kemusnahan institusi pendidikan di Palestin adalah tragedi besar yang tidak boleh diabaikan.

"Lebih membimbangkan, kemunculan semula polio di Gaza, satu kelainan nasib yang kejam di tempat yang sudah begitu rapuh dan terdedah.

"Ketika kini, puluhan ribu kanak-kanak di bawah lima tahun menghadapi risiko lumpuh akibat polio, penyakit yang sebelum ini kita sangka sudah ditangani.



Dr Wan Azizah berucap pada persidangan 'Hari Antarabangsa Untuk Melindungi Pendidikan Daripada Serangan Kelima' dalam PBB di Doha, semalam. (Foto ihsan pejabat Perdana Menteri)

Gencatan senjata yang dikatakan Israel untuk memudahkan vaksinasi polio adalah satu bentuk hipokresi yang jelas, bertentangan kempen pembunuhan yang berlaku," katanya.

Dalam pada itu, beliau menzahirkan penghargaan dan tahniah kepada Qatar kerana menjadi tuan sambutan Hari Antarabangsa PBB untuk Melindungi Pendidikan daripada Serangan

yang Kelima kali ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, isu dilalui warga Palestin sangat terkesan di hati dan jiwanya kerana pendidikan mengubah hidupnya secara mendalam, membawanya dari membesar di pekan kecil untuk merealisasikan impiannya untuk memulihkan penglihatan dan kehidupan sebagai doktor mata.